

**KAJIAN TENTANG PENGARUH  
ANIMISME, HINDU-BUDDHA DAN ISLAM  
DALAM PERMAINAN WAYANG KULIT**

**Shahrayanis Binti Sapi-in**

**Laporan kajian ini diserahkan sebagai memenuhi keperluan asas**

**dalam Sarjana Muda Pengajian Warisan.**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2011**

**KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	vi
Abstract.....	vii

**BAB 1****PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latarbelakang Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Objektif.....	7
1.5 Skop.....	8
1.6 Kekangan Kajian.....	9
1.7 Kepentingan Kajian.....	10
1.8 Kesimpulan.....	11

**BAB 2****KAJIAN LITERATUR**

Pengenalan.....	13
-----------------	----

**BAB 3****METODOLOGI**

3.1 Pengenalan.....	22
3.2 Kaedah kajian.....	23
3.3 Kaedah Kualitatif.....	23
3.3.1 Kajian ke perpustakaan.....	24
3.4 Kajian Lapangan.....	25
3.4.1 Kaedah temuramah.....	25
3.4.2 Kaedah pemerhatian.....	26

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan.....	28
4.2 Pengaruh Wayang Kulit.....	29
4.2.1 Kepercayaan Masyarakat Melayu Dahulu.....	32
4.2.2 Pengaruh Hindu Buddha.....	35
4.2.3 Pengaruh Islam.....	37
4.3 Pandangan Islam Berkaitan Animisme.....	39

4.3.1	Buka Panggung.....	40
4.4	Konsep Perubatan.....	43
4.5	Kepercayaan Masyarakat Siam Dan Cina.....	45
4.6	Perbezaan Wayang Kulit Siam Dan Cina.....	47
4.7	Perbincangan.....	49

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan.....	51
5.2	Bibliografi.....	56

### **SENARAI GAMBAR**

1.1	Peta Negeri Kelantan.....	5
2.1	Peta Daerah Tumpat.....	6
4.1	Gambar Pak Nasir.....	32
4.2	Gambar Pohon Beringin I.....	35
4.3	Gambar Pohon Beringin II.....	36
4.4	Gambar Watak Sri Dewi.....	38
4.5	Gambar Watak Rawana.....	39

## PENGHARGAAN

Bismilahir Rahmanir Rahim dengan nama Allah SWT yang maha pengasih lagi maha penyayang serta selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan juga kepada ahli keluarga supaya sentiasa dicucuri rahmat olehNya.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin rahmat dan hidayatNya dengan jayanya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2 tanpa sebarang masalah. Sepanjang menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2 ini, segala kerjasama dan sumbangan sama ada dari segi nasihat dan sokongan telah disediakan dengan sempurna tanpa cacat celanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada penyelia yang banyak membantu iaitu YM Raja Iskandar Bin Raja Halid yang banyak membimbing sepanjang menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2. Penglibatan beliau dengan membantu saya menyiapkan kertas kerja ini telah terhasilnya kertas kerja yang lengkap dan sempurna. Tidak dilupakan juga ribuan terima kasih kepada tiga responden yang telah ditemuramah iaitu Awang Bin Mat Ali salah seorang penggiat dalam seni wayang kulit, tokoh wayang kulit iaitu Che Mohd Nasir Bin Yusoff dan Ustaz Shaari Bin Salleh, pensyarah Jabatan Agama di IPKB yang sudi meluangkan masa dengan memberi maklumat tentang projek penyelidikan yang dikaji.

Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada ahli keluarga terutama sekali kedua ibu bapa saya iaitu Sapi-in Bin Ibrahim dan Zaharah Bt Hassan yang banyak memberi dorongan dan galakan serta memahami kesibukan yang dialami oleh saya sepanjang menyiapkan kertas kerja ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang

banyak membantu saya serta bersama-sama menyiapkan projek penyelidikan 1 dan 2 ini.

Tidak dilupakan juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya sepanjang menyiapkan projek penyelidikan ini, juga jutaan terima kasih kepada semua. Semoga sumbangan mereka akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Shahrayanis Binti Sapi-in

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRAK

Persembahan wayang kulit pada masa dahulu merupakan salah satu seni persembahan hiburan yang popular di negeri pantai Malaysia iaitu Kelantan. Seni persembahan wayang kulit mengandungi unsur-unsur dan pengaruh animisme, hindu Buddha yang dicampur aduk dengan unsur dari pengaruh islam. Justeru itu, pengaruh-pengaruh animisme, hindu Buddha dan islam telah tersemam didalam jiwa penonton dan terutamanya pendukung seni persembahan wayang kulit. Penulisan ini membincangkan tentang pengaruh-pengaruh yang ada dalam persembahan wayang kulit dimana sedikit sebanyak faktor ini telah mencirikan dan mewarnai minda mereka yang terbabit dalam bidang ini serta kehidupan masing-masing.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

Leather puppet performances was one of the most popular entertainment performing arts in the east-coast of Malaysia especially Kelantan. It is mainly influenced by the elements of animism, Hindu Buddhist and also intermixed with the elements of Islamic. Thus, the influence of animism, Hindu Buddhist and Muslim soul were infused in the audience all along the performance and particularly in the heart of the all the performers. This paper discusses the influences in the leather puppet show and how these factors have characterized and coloured the minds and lives of those involved in this field.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Unsur seni adalah satu keperluan asas dalam kehidupan manusia dan merupakan khazanah lama yang mempunyai nilai yang berharga dalam kehidupan. Bagi masyarakat Melayu dahulu, mereka mengisi masa lapang dengan melakukan pelbagai aktiviti untuk menghiburkan hati. Permainan wayang kulit ini mungkin tercipta hasil dari kreativiti masyarakat dahulu bagi mengisi masa lapang.

Wayang kulit adalah salah satu seni teater yang tertua di Timur (Fieda, 2003). Seni ini berbeza kerana mempunyai pelbagai kelainan di setiap negara seperti India, Indonesia dan Malaysia iaitu terdapat lebih daripada satu bentuk wayang kulit. Asal-usul wayang kulit masih tidak diketahui tetapi ada sebilangan cendekiawan berpendapat bahawa wayang kulit berasal dari India kerana bentuk-bentuk wayang kulit di Asia Tenggara banyak menceritakan tentang epik Hindu, Ramayana dan Mahabharata. Manakala, menurut Hazeu (1989) beliau percaya bahawa wayang kulit berasal dari Jawa kerana terdapat perkataan Jawa kuno dalam wayang purwa.

Manakala, Wayang kulit merupakan satu bentuk teater yang tertua di Asia dan juga drama tradisional bagi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Drama tradisional Melayu sama seperti drama tradisional Greek dan Roman yang mempunyai kaitan dengan unsur keagamaan (Fieda, 2003). Tujuan persembahan wayang kulit adalah

untuk menyatakan kesyukuran kepada makhluk-makhluk alam ghaib, semangat, puaka dan unsur-unsur alam yang lain.

Wayang kulit amat terkenal di negeri Kelantan, ia juga dikenali sebagai wayang kulit Siam. Wayang kulit Kelantan banyak dikisahkan dengan menggunakan bahasa tempatan (loghat Kelantan) yang dicampur dengan bahasa baku. Cerita ini menggunakan tradisi yang bermitoskan Ramayana yang dikenali sebagai cerita Maharaja Rawana dalam versi lisan Melayu.

Wayang kulit purba merupakan wayang kulit yang pertama mula dikenali. Ia menggambarkan bagaimana peperangan Bratayuda seperti yang tercatat dalam hikayat Mahabarata. Menurut dalam cerita ini, wayang kulit adalah hasil sentuhan atau wujudnya pengaruh Hindu dalam persembahannya.

Dalam unsur seni, persembahan wayang kulit merupakan salah satu seni hiburan. Ada ketikanya, permainan ini adalah bertujuan untuk mengubati penyakit. Orang zaman dahulu percaya bahawa ianya boleh menyembuhkan penyakit yang dialami oleh seseorang yang berkaitan dengan unsur roh atau alam semulajadi. Sesetengah pihak menganggap ia merupakan kepercayaan karut namun kesahihannya tidak dapat dijelaskan atau dirungkaikan kerana ia merupakan salah satu cabang seni yang perlu dipelihara dan dijaga.

Selain itu, wayang kulit adalah permulaan sebagai ritual animisme. Semenjak dari awal, ritual animisme wayang kulit telah diubahsuai sebagai penyerapan kepercayaan dengan agama lain yang wujud sehingga mempamerkan sejarah agama

dikawasannya. Oleh hal yang demikian, wayang kulit banyak menggabungkan unsur-unsur animisme, Hindu Buddha dan Islam dalam ritualnya.

Kajian ini berfokuskan tentang pengaruh animisme, Hindu Buddha dan Islam dalam permainan wayang kulit. Kajian ini berkaitan tentang pengaruh yang digunakan dalam setiap unsur-unsur kepercayaan yang berasaskan fahaman animisme. Hal ini demikian kerana, permainan wayang kulit dipersembahkan untuk menyatakan kesyukuran terhadap makhluk-makhluk alam ghaib, semangat, puaka dan unsur-unsur alam yang lain. Selain itu juga, wayang kulit dipersembahkan bertujuan untuk menolak bala atau menghalang penyebaran sesuatu penyakit.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Negeri Kelantan mempunyai seni budaya tradisional yang unik dan tinggalan sejarah persinggahsanaan yang menarik. Terdapat 10 jajahan pentadbiran yang terdapat di negeri Kelantan. Antaranya ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang.

Tumpat merupakan sebuah bandar utama di negeri Kelantan. Bandar ini terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Bharu. Tumpat terletak di hujung Landasan Pantai Timur yang dijalankan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM). Lokasi strategik ini menjadikan Tumpat sebagai pusat pengangkutan utama di Kelantan. Tumpat bermaksud tammat atau penyudah sesuatu tetapi bagi perkataan Melayu, tumpat juga bermakna suatu ruang kosong yang penuh terisi.

Mengikut cerita orang-orang dahulu, Tumpat telah terbina sejak 190 tahun yang lalu. Barang keperluan terpaksa dibawa dari Kota Bharu tanpa jalan

perhubungan yang sempurna dan apa-apa jua keperluan yang ingin dibawa keluar terpaksa menggunakan sampan. Pelabuhan ini semakin sibuk apabila pada awal kurun pemerintahan British membawa beberapa pembaharuan yang membolehkan pengangkutan lebih besar keluar masuk. Sebelum ini hanya pengangkutan antara 300 dan 400 tan yang mampu berlabuh tetapi setelah itu lebih banyak pengangkutan dapat singgah sebelum meneruskan perjalanan ke pelabuhan Singapura.

Ketua pelabuhan yang pertama ialah William Kerr seorang pegawai Inggeris dalam Perkhidmatan Awam Siam yang ditempatkan di Kelantan sebelum tahun 1909 yang datang dari Bangkok. Potret beliau telah digantung pada dinding Kelab Tumpat. Tumpat mempunyai 5 buah pulau kecil iaitu Tanjong Dato, Tanjong Pak Jah, Tanjong Che Mas, Tanjong Che Tahir dan Tanjong Rulah yang terletak di kawasan Kuala Sungai Kelantan di sebelah barat. Setiap satunya terletak berdekatan antara satu sama lain.

Penduduk dianggarkan mempunyai penduduk seramai 168 600 orang. Kebanyakan masyarakat di sekitar ini adalah berbangsa Melayu. Ada juga yang berbangsa lain seperti Cina, India dan Siam. Kawasan Tumpat berdekatan dengan pusat membeli belah bebas cukai iaitu Pengkalan Kubur. Kebanyakan penduduk Tumpat membeli barang-barang keperluan di kawasan tersebut. Penduduk kampung ini juga diberikan kemudahan jalan raya untuk memudahkan perhubungan di antara penduduk di daerah yang lain.

Ekonomi masyarakat sekitar Tumpat adalah dengan bekerja di sektor kerajaan, swasta dan bekerja sendiri. Selain itu, ada juga penduduk Tumpat menjadikan sektor pertanian seperti bercucuk tanam, menanam padi sebagai salah satu

sumber pendapatan dalam isi keluarga. Ada juga menjadikan perikanan sebagai sumber pendapatan. Hal ini demikian kerana, kawasan Tumpat adalah berhampiran dengan kawasan perairan seperti pantai dan sungai.



**Peta 1.1 Negeri Kelantan Darul Naim**

Sumber: [www.negerikelantan.com.my](http://www.negerikelantan.com.my)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**Peta 2.1 Daerah Tumpat**

Sumber: [www.majlisdaerahtumpat.com.my](http://www.majlisdaerahtumpat.com.my)

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa masalah yang timbul disebabkan seni persembahan seperti wayang kulit sudah tidak dihargai lagi oleh masyarakat pada masa kini. Antara pernyataan masalah yang dapat diuraikan oleh pengkaji ialah seni persembahan Melayu wayang kulit yang semakin dilupai oleh masyarakat kerana mengejar arus pemodenan yang semakin pesat dan kekurangan kajian serta dokumentasi tentang pengaruh-pengaruh yang digunakan dalam persembahan wayang kulit.

Salah satu pernyataan masalah yang dihadapi ialah seni persembahan wayang kulit yang semakin dilupai oleh masyarakat kerana mengejar arus pemodenan yang semakin pesat. Seperti yang kita ketahui, dunia sekarang semakin canggih dengan terciptanya alat-alat yang lebih moden seperti playstation, panggung wayang, internet dan sebagainya. Anak-anak muda pada zaman sekarang lebih berminat terhadap benda-benda baru dan semakin tidak mengenali alat permainan tradisional seperti wayang kulit. Golongan muda pada zaman sekarang lebih terdedah kepada alat serta persembahan yang lebih canggih. Hal ini demikian kerana, mereka lebih cenderung untuk memilih yang lebih moden serta senang untuk dibawa ke mana sahaja. Selain itu, golongan muda ini juga tidak didedahkan dengan keunikan dan kehebatan permainan wayang kulit ketika mereka masih kecil. Ada sesetengah golongan muda terutamanya yang tinggal di Bandar tidak mengetahui dan mengenali apa itu permainan wayang kulit.

Selain itu juga, pernyataan masalah yang lain adalah kekurangan kajian serta dokumentasi tentang pengaruh-pengaruh yang digunakan dalam wayang kulit. Wayang kulit merupakan seni persembahan yang cukup unik. Seni ini haruslah dikekalkan dan diperbanyakkan untuk generasi akan datang supaya memudahkan mereka untuk membuat rujukan serta senang dalam mencari bahan-bahan tentang pengaruh-pengaruh yang terdapat dalam wayang kulit.

#### 1.4 Objektif

Terdapat beberapa objektif yang terdapat dalam kajian pengaruh animisme, Hindu-Buddha, dan Islam dalam persembahan wayang kulit yang akan dilakukan oleh pengkaji. Antaranya ialah mengenalpasti pengaruh luar yang terdapat dalam wayang kulit yang mempengaruhi aspek persembahan dan ritual, mengenalpasti bagaimana hubungan antara unsur ritual dan persembahan dan mengkaji sejauh manakah pengaruh Islam telah mengubah struktur dan ritual dalam persembahan wayang kulit kebelakangan ini.

Pengkaji akan mengenalpasti pengaruh luar yang terdapat dalam wayang kulit yang mempengaruhi aspek persembahan dan ritual. Hal ini demikian kerana dalam persembahan wayang kulit, banyak terdapat pengaruh daripada luar seperti pengaruh Islam, animisme dan Hindu- Buddha

Manakala, pengkaji juga akan mengenalpasti bagaimana hubungan antara unsur ritual dan persembahan. Mengikut pandangan orang-orang tua pada masa dahulu, setiap upacara yang akan berlangsung akan dimulakan dengan perhubungan antara unsur-unsur ritual yang berkait rapat dengan upacara yang akan dipersembahkan.

Selain itu, pengkaji mengkaji sejauhmanakah pengaruh Islam telah mengubah struktur dan ritual dalam persembahan wayang kulit kebelakangan ini. Hal ini kerana, pengaruh Islam telah banyak mengubah struktur dan ritual kerana masyarakat Melayu menggunakan pengaruh Islam dengan unsur pengaruh Islam seperti kalimah Bismillah, salam, nama malaikat, nabi dan para syahadah.



## 1.5 Skop

Kajian ini adalah berfokuskan kepada persembahan wayang kulit hanya disekitar kawasan Kelantan. Pengkaji akan melakukan kajian dengan mencari kawasan yang bergiat dalam melakukan persembahan wayang kulit disekitar Kelantan. Ruang lingkup kajian adalah meliputi pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam terdapat di dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Manakala, kajian ini akan dilakukan di sekitar negeri Kelantan iaitu di Kg. Laut daerah Tumpat dan di Gelang Mas, Pasir Mas.

Ruang lingkup kajian adalah meliputi pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam yang terdapat dalam wayang kulit di Kelantan. Pengkaji akan merungkai setiap pengaruh-pengaruh yang terdapat dalam persembahan wayang kulit di Kelantan. Setiap pengaruh yang terdapat dalam wayang kulit adalah meliputi aspek-aspek yang berbeza.

Manakala, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah di sekitar negeri Kelantan. Dimana, pengkaji akan melakukan kajian di Kampung Laut di daerah Tumpat dan di Kampung Gelang Mas di Daerah Pasir Mas. Di Kampung Laut, pengkaji akan menemuramah Pak Usop dan Pak Mat yang banyak mengetahui dan berpengalaman dalam bidang persembahan wayang kulit. Selain itu, di Kampung Gelang Mas juga, pengkaji akan menemuramah dan bertanya tentang pengaruh yang terdapat dalam persembahan wayang kulit terhadap Pak Husin yang juga berpengalaman dalam bidang persembahan wayang kulit ini.

## 1.6 Kekangan Kajian

Dalam setiap kajian, akan berlaku beberapa kekangan kajian terhadap pengkaji. Antaranya ialah kekurangan bahan maklumat, kesukaran mencari pemain wayang kulit dan kesukaran dalam mencari tempat kajian.

Kurangnya bahan maklumat tentang pengaruh yang terdapat dalam wayang kulit di perpustakaan. Kurangnya maklumat tentang pengaruh yang terdapat dalam wayang kulit ini adalah kerana hanya segelintir sahaja yang mengkaji tentang kajian ini. Selain itu, pengkaji juga sukar dalam mencari maklumat kerana kurangnya penyiaran tentang pengaruh yang terdapat dalam wayang kulit samada di akhbar atau majalah.

Selain itu, kesukaran mencari pemain wayang kulit. Pengkaji sukar untuk mencari pemain wayang kulit kerana kebanyakan yang terlibat dalam wayang kulit adalah daripada golongan tua. Hal ini demikian kerana, generasi muda pada zaman sekarang sudah tidak berminat untuk mewarisi teknik-teknik persembahan dalam wayang kulit dengan lebih mendalam. Selain itu juga, kebanyakan pemain wayang kulit pada zaman sekarang tidak lagi menggunakan pengaruh-pengaruh zaman dahulu dan banyak memperkembangkan elemen Islam. (William Roff, 1964)

Manakala, kesukaran mencari tempat kajian. Pengkaji sukar mencari tempat untuk membuat kajian kerana kebanyakan pemain wayang kulit tinggal di sekitar kampung dan jarang sekali tinggal di bandar. Hal ini demikian kerana, masyarakat sekitar kampung amat percaya dengan unsur-unsur magis dan syamanisme yang wujud hasil gambaran pemikiran dan sikap hidup masyarakat dahulukala.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Dalam kepentingan kajian, pengkaji cuba memperlihatkan pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan islam melalui rencana-rencana, akhbar, penulisan ilmiah, majalah, dan sebagainya. Pengkaji cuba untuk memberi penekanan dan berusaha mengkaji dengan lebih mendalam tentang pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan islam yang terdapat dalam wayang kulit. Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi mengupas dengan lebih lanjut dan untuk mengekalkan warisan Melayu supaya generasi akan datang mengetahui tentang pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan islam yang terdapat dalam wayang kulit.

Selain itu juga, kajian ini akan menjadi salah satu sumber rujukan yang penting untuk di dokumentasikan mengenai pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan islam yang terdapat dalam wayang kulit sebelum ianya pupus. Hal ini demikian kerana, kebanyakan sumber kajian sekarang sukar untuk diperoleh kerana tidak ramai yang mengkaji tentang pengaruh animisme, Hindu-Budhha dan Islam yang terdapat dalam persembahan wayang kulit.

## 1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam mempunyai nilai-nilai estetika yang tersendiri. Dalam persembahan wayang kulit, pengaruh yang wujud mendokumentasikan corak pemikiran, sikap dan kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu. Selain merangkumi struktur ritual, aksi dramatik, aliran ceritanya adalah lahir daripada elemen dialog, muzik, dan nyanyian yang dipersembahkan boleh menarik minat khalayak ramai.

Bagi pengaruh animisme yang terdapat dalam persembahan wayang kulit, watak yang dipertontonkan adalah terdiri daripada dewa, para petapa, monyet, puteri, binatang, raksasa dan sebagainya. Persembahan ini akan dimulakan dengan upacara berjamu dengan menyediakan pelbagai peralatan dan bahan makanan seperti pulut pelbagai warna, beras, nasi, kemenyan, patung dan bahan-bahan lain menurut kelaziman yang dipelajari. Selain itu, terdapat juga upacara membuka gelanggang yang bertujuan untuk meminta izin dan memanggil semangat atau roh supaya datang menjiwai patung itu. Manakala, roh itu akan mempengaruhi dalang untuk mengingati dialog supaya lebih bermutu dan bertenaga.

Selain itu, pengaruh Hindu-Buddha pula telah membawa pembaharuan terhadap pemikiran Melayu. Konsep ketuhanan agama Hindu Vidaisme telah mengisi ruang kepercayaan terhadap penunggu atau kuasa ghaib yang dipercayai oleh masyarakat Melayu yang wujud pada setiap fenomena alam seperti hujan, ribut, bukit, lautan, hutan belantara dan lain-lain lagi.

Manakala, dalam pengaruh Islam, islam sedaya upaya menghapuskan konsep dan kepercayaan yang bertentangan dengan akidah Islam. Islam menekankan kepada

kepercayaan wujudnya jin bukannya percaya dengan keupayaan jin yang memberi manfaat atau mudarat. Peranan yang dimainkan dalam oleh orang Arab adalah untuk memudahkan pengembangan dalam elemen islam yang tidak boleh dipandang ringan. Ini menunjukkan banyak penyelewengan berlaku dalam pemahaman keramat, roh, semangat dan sebagainya.

Sejarah kepercayaan masyarakat adalah bermula dengan animisme, Hindu-Buddha dan Islam telah melahirkan pemikiran yang menggabungkan tiga unsur kepercayaan yang berbeza. Pada peringkat animisme, dapat dilihat kepercayaan terhadap penunggu dan hantu. Manakala, pengaruh Hindu-Buddha adalah pada dewa. Islam pula telah melahirkan kepercayaan terhadap Allah, Malaikat, Rasul dan unsur-unsur lain yang diteliti.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Kajian berkaitan wayang kulit telah dilakukan oleh para sarjana dalam dan luar negara (Malm, 1976; Matusky, 1980; Ghulam Sarwar, 1999; Ghouse 1992). Pengaruh kepercayaan tradisional Malayu dan agama-agama Hindu/Buddha serta Islam jelas terdapat di dalam persembahan wayang kulit, namun tiada kajian terperinci telah dilakukan. Menurut Ryan (1971) menyatakan bahawa :

*“Malaya was indebted from about 300 A.D. onwards to what was derived more directly from the Coromandel coast of India- a civilization that was basically Hindu but included both Brahmanistic and Buddhistic elements”.*

(ms.10)

Dalam kenyataan Ryan, sebelum agama Hindu-Buddha tersebar, orang Malayu banyak dipengaruhi oleh fahaman animisme yang mempercayai kuasa ghaib, semangat, pemujaan roh dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, fenomena alam sekeliling banyak mempengaruhi tingkah laku manusia terhadap kegiatan yang dilakukan dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Selain itu, pengaruh Hindu-Buddha yang diketengahkan oleh Ryan menyatakan bahawa pengaruh yang digunakan juga termasuk antara elemen Brahma dan Buddha. Selain itu, kedatangan agama Hindu menyebabkan berlakunya proses penghinduan (indianization) setelah

masyarakat telah lama mengalami proses animisme yang diikuti proses Islam (Islamization). Masyarakat membuat penyesuaian antara nama Tuhan Hindu kepada nama Allah tetapi kefahaman terhadap tentang kuasa makhluk halus seperti hantu syaitan, iblis dan puaka tetap wujud dalam pelbagai upacara kebatinan.

Masyarakat dahulu percaya dengan kedatangan agama Hindu-Buddha yang dibawa masuk, kepercayaan terhadap warisan lama masih tetap diamalkan. Ada yang menganggap cerita Mahabharata dan Ramayana yang berlaku adalah seperti kehidupan seharian yang dijalankan oleh masyarakat. G. Bagus Sugriwa (1980) ada menerangkan tentang kepercayaan leluhur di Indonesia terhadap cerita ini. “ Ada di antaranya yang menganggap cerita Mahabharata dan Ramayana kejadian atau terjadi di Indonesia sebagai riwayat leluhur sendiri” .

Kedatangan agama Hindu yang dianuti banyak dipengaruhi oleh kepercayaan terhadap peribumi. konsep Dewa Hindu pula banyak persamaan dengan kepercayaan animisme. Ini dapat dilihat, kemungkinan masyarakat menerima agama Hindu kerana mempunyai banyak persamaan dengan kepercayaan animisme. Selepas agama Hindu berkembang di alam Melayu, agama Buddha pula datang menyusul. Kedua-dua agama ini bercantum menjadi satu di alam Melayu. Atas kepercayaan inilah pengaruh Hindu-Buddha amat jelas dalam jampi, mantera dan serapah. Dalam konteks ini, pengaruh Hindu-Buddha banyak membesar-besarkan keagungan Dewa dan penjelmaan dalam diri masing-masing.

Dalam persembahan wayang kulit, penggunaan pengaruh dalam persembahan adalah terhadap keagungan Dewa-dewa. Dimana tok dalang menggunakan watak-watak yang dimainkan sebagai pengantara antara beliau dengan roh-roh. Penggunaan nama-

nama watak juga berdasarkan pengaruh Hindu-Buddha seperti Seri Rama, Sita Dewi, Arjuna dan banyak lagi.

Disamping itu, persembahan wayang kulit amat menitikberatkan dalam kewujudan alam sekeliling dengan menekankan aspek-aspek tertentu seperti kewujudan alam semesta. Kepercayaan masyarakat terhadap pengaruh-pengaruh yang terdapat dalam persembahan wayang kulit adalah dengan melahirkan corak pemikiran yang seolah-olah menggabungkan tiga unsur kepercayaan tersebut. Kuasa ghaib pada peringkat animisme adalah kepercayaan terhadap penunggu dan hantu. Pengaruh Hindu-Buddha pula menampilkan Dewa dengan memberikan kekuatan dan kelebihan para Dewa dalam mantera serapah tersebut. Manakala, dalam pengaruh Islam, diselitkan juga perkataan seperti kalimah Bismillah, salam, nama malaikat, nabi dan para syahadah.

Dalam buku *Wayang Kulit di Malaysia*, menurut Ibnu Arabi ada menyatakan bahawa sebab tanah sisa untuk membuat nakhlah (bhatara guru) itu sangat kecil, sebesar biji lenga, kemudian diperbesarkan oleh Allah menjadi suatu bumi yang luas, itulah menyebabkan alam kayangan digelar juga dalam bahasa Arab dengan “Ardzus-Simsinah” ertinya “besar biji lenga”. Walaubagaimanapun semua ini adalah bahasa perlambangan.

Dalam persembahan wayang kulit, penggunaan bahasa perlambangan adalah penting kerana hanya tok dalang yang mengetahui tentang makna-makna perkataan yang disebut. Kebanyakan menggunakan perkataan Jawa yang sukar difahami oleh orang lain. Contohnya adalah perkataan derhaka yang disebut oleh tok dalang. Ianya membawa maksud derhaka kepada nama yang disebut seperti Allah, Nabi



Muhammad, orang tertentu yang ditakuti oleh iblis dan syaitan atau nama-nama tuhan Hindu. Penggunaan bahasa perlambangan ini tidak boleh diajar atau diberitahu kepada orang lain kerana seseorang itu perlu yakin dan menghadap orang yang berkenaan sehingga dapat ilmu yang dimiliki itu.

Manakala, menurut Amran Kasimin (2006) pengaruh animisme dan Hindu-Buddha terus terperap kukuh dalam kehidupan orang Melayu, terutamanya dalam amalan kebatinan yang melibatkan rawatan, mempertahankan diri dan persembahan teater tradisional. Kewujudan pengaruh Islam yang diselitkan dalam jampi, mantera dan serapah lebih melahirkan kecelaruan masyarakat. Hal ini demikian kerana penggunaan ayat-ayat dalam persembahan wayang kulit melibatkan banyak elemen-elemen yang menggunakan unsur animisme, Hindu-Buddha dan Islam. Cerita-cerita yang terkandung dalam persembahan wayang kulit adalah berkait rapat dengan kehidupan seharian. Contohnya, masyarakat kita lahir daripada masyarakat tani yang hidup sederhana dan banyak bergantung terhadap sumber alam. Oleh yang demikian, kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus amat tinggi dan menjadikan persembahan wayang kulit ini sebagai mencari keseronokan bagi mengisi masa lapang. Selain itu, unsur-unsur yang lain wujud adalah disebabkan cara masyarakat dahulu berfikir, sikap seseorang dan cara masyarakat Melayu pada ketika itu. Kecelaruan masyarakat dalam persembahan wayang kulit adalah disebabkan penggunaan antara animisme, Hindu-Buddha dan Islam yang bercampur-campur. Dalam persembahan ini terkandung juga pembacaan doa bagi meminta perlindungan tetapi ada juga upacara berjamu dan membuka gelanggang bagi bertujuan memanggil semangat atau roh untuk meminta izin. Manakala, terdapat juga bahan sajian bagi

menjamu roh-roh supaya persembahan ini dapat berjalan dengan baik dan semua pemain, keluarga serta penonton selamat dan tidak diganggu oleh roh-roh atau semangat.

Kepercayaan animisme amat kuat dalam pemikiran orang Melayu. Ini dapat dilihat dalam persembahan wayang kulit, di mana walaupun kedatangan agama Hindu-Buddha dan agama Islam di alam Melayu ianya tidak dapat menghapuskan pemikiran dan penerimaan masyarakat terhadap makhluk halus. Kelebihan dan kekuatan makhluk halus masih disebut dalam jampi serapah oleh tok dalang. N.J. Ryan (1971) menjelaskan, walaupun berlakunya perubahan agama dalam sesebuah masyarakat, ia tidak selalunya mengubah kepercayaan animisme. Sebaliknya, kepercayaan ini sering membawa perubahan penting dalam amalan, idea dan pemahaman yang telah menjadi pegangan tradisi sebelumnya. Walaupun agama Hindu-Buddha dibawa masuk ke alam Melayu, penduduk tempatan tetap mengamalkan unsur-unsur kepercayaan warisan dahulu. Pemikiran dan pengetahuan masyarakat Melayu dalam animisme banyak berkisar tentang unsur spiritual, kuasa ghaib kosmos atau alam nyata. Mereka percaya wujudnya kuasa halus seperti semangat, roh, badi atau kewong, puaka dan keramat. Kesemua kepercayaan itu terdapat pada semua benda samada benda bernyawa atau tidak bernyawa. Bagi persembahan wayang kulit, klir adalah ibarat dunia bagi watak-watak wayang kulit yang terdiri dripada dewa monyet, puteri, bintang, kuasa, para petapa dan banyak lagi.

Allah S.W.T ada menjelaskan bahawa iblis dan syaitan tidak mempunyai kekuatan terhadap manusia, kecuali terhadap mereka yang mengikut jejak langkah iblis atau syaitan itu tadi. Mereka ini terdiri daripada golongan orang yang sesat. (Al-Hijr:42)

Selain itu, dalam buku Wayang Kulit di Malaysia, menurut Ustaz Abdullah Mohamed (1980) wayang kulit adalah di alam kayangan. Orang pada zaman ini menggunakan bahasa Arab untuk memahami kepercayaan Nabi Muhammad, tapi masa nenek moyang dahulu, mereka menggunakan bahasa sanskrit. Disini dapat dilihat terdapat perbezaan dalam bahasa. Dalam wayang kulit, doa, mantera dibaca dengan bahasa melayu. Pada hal doa selalunya dibaca dalam bahasa Arab. Dengan ini dikatakan bahawa wayang kulit mempunyai perhubungan dengan agama. Ianya dapat menghubungkan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Para ulama Salaf menyatakan penggunaan ayat-ayat seperti jampi mantera perlu menggunakan ayat al-Quran, nama-nama Allah, dan sifat-sifat-Nya dengan menggunakan bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maknanya dan perawat tidak ragu-ragu dengan penggunaan jampi mantera itu walaupun dengan menggunakan bahasa lain. Hal ini demikian kerana yang memberi kesan adalah Allah S.W.T.

Al-Maziri menyokong dengan melarang penggunaan bahasa asing selain bahasa Arab yang tidak difahami maknanya kerana ia boleh membawa kekufuran. Tidak harus, bahkan haram membaca jampi dalam apa bahasa sekalipun kerana sukar memahami maksudnya kerana ditakuti menyebabkan syirik atau kufur. (Majdi:129). Dalam persembahan wayang kulit, penggunaan dalam bahasa Melayu adalah supaya penonton mengingati perkataan atau ayat yang digunakan oleh tok dalang. Ianya juga

adalah untuk kita sentiasa memuji-muji dan sentiasa meminta keampunan daripadanya. Sesetengah persembahan teater tradisional mengamalkan amalan memanggil, menyeru dan memuja makhluk-makhluk halus. Allah S.W.T melarang memohon pertolongan selain Allah.

*Janganlah kamu memohon apa yang tidak memberi manfaat dan tidak pula memberi mudarat padamu selain Allah, kerana jika kamu berbuat demikian, sesungguhnya kamu termasuk dalam golongan orang yang zalim.*

(Surah Yunus:106)

Seterusnya, ada sesetengah pendapat mengatakan persembahan wayang kulit semakin pupus. Kenyataan ini sememangnya betul kerana ada sesetengah tempat mengharamkan persembahan wayang kulit terutamanya di negeri Kelantan kerana dianggap memesongkan akidah kerana mencampuradukkan dengan animisme, agama Hindu-Buddha dan agama Islam. Persembahan wayang kulit amat penting untuk menyalurkan nilai-nilai sosial dalam menyampaikan unsur-unsur nasihat oleh tok dalang. Contohnya, pada abad ke-16, Wali Songo menggunakan wayang kulit sebagai alat untuk menyebarkan agama Islam di Tanah Jawa. En. Abd. Ghani (1980) ada mengatakan wayang kulit kian malap. Beliau lebih merasakan bahawa punca utama dari suasana demikian ialah sikap masyarakat kita sendiri. Menurut beliau juga, pada satu ketika dahulu terdapat banyak pesta dalam hidup masyarakat tani dan nelayan. Mereka aktif mengambil bahagian dalam pesta tadi dengan mengadakan upacara puja memuja dan permainan seperti wayang kulit dan sebagainya yang merupakan sebahagian dari acara itu. Oleh kerana upacara puja memuja itu dianggap syirik oleh masyarakat sekarang, maka pandangan mereka sudah berubah.

Dalam persembahan wayang kulit, terdapat upacara penting yang akan dijalankan seperti upacara bukak panggong dan upacara tutup panggong. Upacara bukak panggong bertujuan untuk memanggil roh dan semangat supaya mendapat restu dengan membakar kemenyan. Manakala, upacara tutup panggong adalah untuk mengembalikan semula roh-roh yang telah dipuja supaya kembali ke tempat asalnya. Semasa upacara ini, dalang hanya membaca sedikit jampi yang tidak didengari oleh sesiapa pun. Selain itu, pelbagai peralatan dan makanan akan disediakan dalam upacara ini. Antaranya adalah pulut pelbagai warna, ayam panggang, telur semangat, nasi, beras, kemenyan, patung dan lain-lain lagi.

Dalam buku Panduan Menjampi Dan Mengguna Jin Menurut Al-Quran dan Al-Hadith, menurut Abu Mu'aadz Muhammad Bin Ibrahim (2001), sebelum zaman Islam, jampi-jampi ini sudah pun wujud sebagai warisan agama Hindu-Buddha yang sebahagiannya menggunakan bahasa sanskrit (bahasa India Kuno) yang beransur kepercayaan Hindu yang menyeru kuasa-kuasa ghaib seperti dewa-dewa; juga membawa kepercayaan kepada jin secara anggap-anggapan. Hal ini demikian kerana, penggunaan seperti Dewa Maharaja Guru, Dewa Muda selalu disebut dalam mantera bagi memulihkan sesuatu penyakit angin. Begitu juga dalam persembahan wayang kulit yang menyebut tentang dewa-dewa adalah peranan bagi setiap watak-watak bagi wayang kulit. Selain itu, dalam persembahan wayang kulit terdapat watak-watak yang penting dalam epik Ramayana dan Mahabharata iaitu Seri Rama, Sita Dewi, Laksamana, Arjuna dan sebagainya.

Manakala, dalam penggunaan ayat jampi tradisional, terdapat beberapa kecacatan dan unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah iaitu mengandungi isi atau fakta yang salah tentang asal-usul penyakit, mengandungi kata-kata yang tidak difahami, mengandungi akidah yang salah, mengandungi ayat Al-Quran yang salah ejaan, tidak cukup ayat atau sebutan kata yang tidak betul, mengandungi kata-kata bahasa Suryani (bahasa orang Syria) yang tidak difahami dan tidak dapat dibaca dengan betul, dan mengandungi perubahan bunyi kata-kata Al-Quran yang disesuaikan dengan bunyi-bunyi. Dalam persembahan wayang kulit, tok dalang akan mengambil peranan dalam setiap upacara yang dilakukan. Setiap roh yang diseru oleh tok dalang akan turut mempengaruhi tok dalang supaya lebih bersemangat dan kelihatan hidup. Dengan menggunakan ayat Al-Quran dalam persembahan wayang kulit adalah untuk melindungi daripada dikacau oleh roh dan semangat yang diseru oleh tok dalang itu. Contohnya penggunaan seperti sebutan “Bismillah hirahman nirahim”, kalimah “Allahurabbulalamin”, kalimah “salam” dan “dua kalimah syahadah.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

## BAB 3 METODOLOGI

### 3.1 Pengenalan

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu bertujuan untuk mengenalpasti sesuatu kajian dan cara dalam pengumpulan data. Antara kajian kualitatif yang dilakukan adalah kajian ke perpustakaan. Manakala dalam kajian lapangan pula, pengkaji menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian.

i) Kajian perpustakaan

Pengkaji mengambil artikel yang berkaitan pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan islam yang terdapat dengan merujuk melalui buku-buku ilmiah.

Kajian lapangan

ii) Kaedah temubual

Pengkaji akan menemuramah Tok dalang dan orang daripada Jabatan Agama Islam Kelantan dengan bertanya tentang soalan yang berkaitan.

iii) Pemerhatian

Pengkaji akan melakukan pemerhatian dalam upacara yang akan dilakukan dan merekod penggunaan unsur-unsur yang akan digunakan.

### **3.2 Kaedah kajian**

Kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan tajuk yang dipilih adalah di Perpustakaan UMK dan Perpustakaan Awam Kelantan di Kota Bharu. Selain itu, pengkaji juga melakukan kaedah temubual dan pemerhatian berkaitan tajuk dengan menemubual tokoh tok dalang yang terkenal iaitu Yusof Bin Mamat atau lebih dikenali sebagai Pak Usop. Manakala, pengkaji juga akan menemubual pembantu Pak Usop, di mana beliau juga mahir dalam bidang pengaruh wayang kulit iaitu Awang Bin Mat Ali atau Pak Mat. Pengkaji akan menemubual tokoh di Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Dalam kajian ini, segala maklumat yang diperolehi akan dikumpulkan dan seterusnya diproses.

### **3.3 Kaedah kualitatif**

Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang bertujuan untuk mengenalpasti sesuatu kajian dan cara dalam pengumpulan data. Kaedah ini dapat memberi kemudahan kepada pengkaji dalam mencari bahan-bahan atau maklumat. Pendekatan kualitatif adalah penyelidikan yang menggunakan analisis data bagi menyelidik ciri-ciri yang ada pada gejala yang diselidiki, dengan setiap ciri yang ditemui akan dipastikan kewujudannya dan diuraikan sama ada jarang atau sering ditemui. Ia juga adalah koleksi, analisis, dan tafsiran cerita komprehensif dan data visual untuk mendapat gambaran tentang satu fenomena tertentu menggunakan kaedah-kaedah kajian kualitatif didasarkan kepercayaan yang berlainan dan direka bentuk untuk tujuan berbeza daripada kaedah-kaedah kajian kuantitatif. Antara kajian kualitatif yang dilakukan adalah kajian ke perpustakaan.



### 3.3.1 Kajian perpustakaan

Pengkaji melakukan kajian tentang pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit di perpustakaan UMK dan perpustakaan awam Kelantan di Kota Bharu. Pengkaji menelaah dan mencari maklumat dengan sebaik mungkin buku-buku serta bahan ilmiah yang berkaitan dengan pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit . Antara buku yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku yang bertajuk *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional* oleh Amran Kasimin, *Siri Permainan Tradisional Melayu : Permainan Wayang Kulit* oleh Fieda, *Wayang Kulit Malaysia* keluaran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, *Muzik Melayu Tradisi* oleh Mohd. Ghouse Nasuruddin, *Malaysian Shadow Play And Music: Continuity Of An Oral Tradition* oleh Matusky, P dan banyak lagi yang dijadikan sebagai rujukan. Pengkajian terhadap buku-buku ini, pengkaji dapat memberi gambaran tentang pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit. Selain itu, terdapat juga maklumat lain seperti sejarah, muzik, alat muzik yang digunakan, jenis-jenis wayang kulit, cara pembuatan wayang kulit dan banyak lagi. Pengkaji juga mencari dan mendapat maklumat yang lebih terperinci dalam laman web yang berkaitan dengan pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit.

### **3.4 Kajian lapangan**

Kajian lapangan adalah satu cara untuk memperolehi data segar. Kajian lapangan mempunyai banyak teknik-teknik yang boleh digunakan seperti kaedah temubual. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat secara spontan dan formal. Ia juga membolehkan pengkaji mengetahui kesahihan daripada tokoh itu sendiri. Selain itu, melalui kaedah pemerhatian, pengkaji boleh melihat persembahan wayang kulit itu dengan merakam atau merekod. Pengkaji juga boleh memerhatikan atau turut terlibat dengan persembahan yang dimainkan. Setelah mengumpulkan data yang diperolehi, pengkaji akan menyemak data tersebut sebelum dianalisis dan kemudiannya akan menulis hasil daripada kajian tersebut.

#### **3.4.1 Kaedah temuramah**

Pengkaji membuat kajian secara temuramah terhadap Pak Usop dan Pak Mat di Kapung Laut, Tumpat, Kelantan. Pengkaji telah menemuramah beliau bagi menambahkan lagi bahan dan maklumat pengetahuan tentang pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit. Beliau masih lagi meneruskan kegiatan ini kerana minat yang mendalam terhadap persembahan wayang kulit sejak kecil lagi. Menurut Pak Mat, persembahan wayang kulit merupakan salah satu hiburan pada zaman dahulu dan pengaruh-pengaruh yang ada dalam persembahan adalah berpunca daripada kehidupan seharian daripada alam sekeliling kerana masyarakat pada zaman dahulu amat mementingkan alam ciptaan Tuhan. Selain itu, setiap pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam yang terdapat dalam persembahan wayang kulit mempunyai maknanya yang tersendiri. Kepakaran beliau

dalam persembahan wayang kulit adalah daripada bapa saudaranya yang berkecimpung dalam persembahan wayang kulit.. Dari situlah timbul minat beliau terhadap persembahan wayang kulit. Selain itu, pengkaji juga telah menemuramah Pak Usop yang merupakan tokoh tok dalang yang terkenal. Beliau juga banyak mengetahui tentang ilmu persembahan wayang kulit, dimana pada awalnya beliau hanya menyertai persembahan dikir barat tetapi terselit juga persembahan wayang kulit. Dari situ timbulnya minat beliau dalam persembahan wayang kulit. Beliau ada juga mengatakan bahawa, pengaruh yang terdapat dalam persembahan wayang kulit sering dikaitkan dengan masyarakat yang mengamalkan kehidupan yang sederhana, jauh dari arus pemodenan dan kurang dalam pendidikan. Mereka berfikir bahawa pengaruh ini boleh memberi perlindungan dan kebahagiaan dalam menghasilkan sesuatu tujuan.

### **3.4.2 Kaedah pemerhatian**

Menurut pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, masyarakat pada zaman dahulu sangat memartabatkan pengaruh-pengaruh dalam persembahan wayang kulit terutamanya pengaruh animisme. Manakala, pengaruh Hindu-Buddha masih tidak mampu berdiri teguh kerana falsafah hidup Hindu yang berhubung kehalusan metafizika telah menyukarkan kefahaman masyarakat. Dalam Islam pula, sedaya upaya dalam menghapuskan konsep dan kepercayaan yang bertentangan terhadap akidah Islam tetapi beberapa elemen yang telah dipengaruhi penganut orang yang beragama Islam iaitu hasil daripada pengaruh animisme Arab seperti kepercayaan pada jin atau Qarin. Masyarakat kini sudah tidak lagi menghargai dan mengambil tahu

tentang setiap elemen-elemen yang ada dalam persembahan wayang kulit. Selain itu, pengkaji juga melihat teknik-teknik persembahan yang dilakukan oleh tok dalang yang menyebut tentang pengaruh-pengaruh tertentu. Contohnya seperti dalam upacara bukak dan tutup panggong, upacara jamuan atau kenduri, pelepas dan sebagainya.

Ianya memerlukan ketelitian dalam mendengar jampi mantera yang dibaca oleh tok dalang kerana sukar untuk memahami perkataan yang disebut. Umumnya, dalam pengaruh animisme, tok dalang banyak menyebut tentang kuasa ghaib, unsur spiritual dan kosmos. Manakala, pengaruh Hindu-Buddha pula menampilkan Dewa-dewa dan Islam pula melahirkan kepercayaan terhadap Allah, Malaikat, Rasul dan unsur-unsur yang berkaitan dengan agama.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji melaporkan tentang dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu Awang Bin Mat Ali atau Pak Mat. Beliau merupakan salah seorang penggiat dalam persembahan wayang kulit dan kepakaran beliau dalam persembahan wayang kulit adalah daripada bapa saudaranya yang berkecimpung dalam persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit banyak menerima pengaruh kerana masyarakat dahulu amat mementingkan keadaan kehidupan sekeliling.

Responden yang kedua ialah Ustaz Shaari Bin Salleh. Beliau merupakan seorang Pensyarah Jabatan Agama di Institut Perguruan Kota Bharu yang pernah mengkaji tentang kepercayaan di dalam persembahan wayang kulit. Menurut beliau persembahan wayang kulit banyak mengandungi unsur dan kepercayaan yang bercanggah dengan Islam. Pengkaji menemuramah beliau untuk mengetahui pandangannya mengenai kepercayaan terhadap persembahan wayang kulit.

Manakala, responden yang ketiga iaitu Che Mohd Nasir Bin Yusoff atau Pak Nasir yang merupakan salah seorang penggiat seni persembahan wayang kulit yang berguru dengan arwah Hamzah Bin Awang Hamat. Beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar seni persembahan wayang kulit di ASWARA. Setiap kepercayaan

terhadap pengaruh-pengaruh yang ada dalam persembahan wayang kulit adalah mengikut keadaan diri masing-masing yang mempercayainya.

#### **4.2 Pengaruh Wayang Kulit**

Menurut Pak Mat, wayang kulit sebenarnya berasal dari Jawa, Indonesia dan mula menular di sekitar Tanah Melayu apabila kedatangan orang Indonesia sama ada berhijrah ataupun datang berdagang. Orang yang pertama menyebarkan pengaruh Islam dalam persembahan wayang kulit adalah Wali Songo. Ianya mula diikuti dengan pencampuran pengaruh-pengaruh lain oleh Mok Erot yang berketurunan Cina, Sema atau Turah, Tok Erit dan Tok Beh yang berketurunan Siam, Tok Salleh dagu panjang, Tok Saman, Tok Yakub, Tok Pandak, Tok Awang Lah, Pak Hamzah dan Pak Usop. Beliau juga menyatakan, persembahan wayang kulit merupakan salah satu hiburan pada zaman dahulu dan pengaruh-pengaruh yang ada dalam persembahan adalah berpunca daripada kehidupan seharian daripada alam sekeliling kerana masyarakat pada zaman dahulu amat mementingkan alam ciptaan Tuhan. Selain itu, setiap pengaruh animisme, Hindu-Buddha dan Islam yang terdapat dalam persembahan wayang kulit mempunyai maknanya yang tersendiri. Contohnya dalam persembahan wayang kulit Siam, ianya banyak berkisar tentang cerita Melayu Jawa dan banyak berkait rapat tentang penceritaan kehidupan masyarakat Jawa.

Selain itu, masyarakat dahulu lebih percaya terhadap kepercayaan animisme sebelum kedatangan Islam. Masyarakat dahulu akan memulakan persembahan dengan mengadakan kenduri sebelum memulakan upacara. Contohnya, orang kampung akan sama-sama membaca doa kepada Tuhan supaya kedatangan sama ada, penonton atau

tok dalang akan selamat dan tidak diganggu oleh makhluk-makhluk halus. Dalam upacara menjamu, penyediaan seperti pulut dadar, bertih, beras kunyit dan kemenyan adalah penting bagi menjamu kepada semua dan terutama sekali bagi menjamu rakyat Nabi Sulaiman (binatang). Pemujaan terhadap pokok-pokok besar adalah penting kerana masyarakat dahulu percaya bahawa pokok itu merupakan pokok keramat dan boleh melindungi kehidupan mereka. Sebelum mengadakan pemujaan terhadap pokok keramat, tok dalang akan membawa alat-alat penting dalam persembahan wayang kulit dan akan diiringi muzik sepanjang perjalanan beliau. Apabila sampai di tempat yang dipercayai mempunyai keramat, beliau akan berhenti dan melakukan upacara pemujaan. Menurut Pak Mat, unsur-unsur ritual yang dijalankan oleh masyarakat dahulu adalah sangat penting bagi melancarkan persembahan yang akan dijalankan. Masyarakat dahulu juga melakukan upacara tersebut kerana keadaan persekitaran masyarakat sekeliling yang percaya terhadap unsur-unsur animisme.

Manakala, menurut Pak Nasir yang merupakan salah seorang penggiat persembahan wayang kulit, kepercayaan dalam persembahan wayang kulit terbahagi kepada dua iaitu syirik dan tidak syirik. Di dalam agama Islam syirik itu bermaksud menyekutukan Allah seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada nabi-nabi terdahulu sebelumnya, jika kamu mempersekutukan Tuhan, nescaya akan terhapuslah segala amalanmu dan tentulah kamu termasuk dikalangan orang yang rugi.” (Surah az-Zumar, ayat 65 ms.45)

Setiap persembahan wayang kulit akan dimulai dengan bacaan ‘Bismilahir Rahmanir Rahim,’ dan diikuti dengan bacaan ayat al-quran iaitu surah 4 Qul. Setiap pembacaan ayat-ayat al-quran ini dibaca sama ada dengan perlahan atau didalam hati untuk pembacaan kepada dirinya sahaja. Manakala, pembacaan jampi akan dibaca dengan kuat dan lantang. Dengan keadaan kehidupan sekarang, kepercayaan sama ada terhadap unsur-unsur yang dilihat pada zaman dahulu adalah tidak lagi dipercayai oleh masyarakat pada masa sekarang. Menurut beliau juga, walaupun adanya upacara buka panggung, perasap dan sebagainya yang terdapat dalam persembahan wayang kulit, niat yang ada dalam hati seseorang itu perlulah teguh dengan kepercayaan terhadap Tuhan yang satu.

Dalam puja memuja juga perlulah sentiasa berjaga-jaga kerana jika tersalah puja akan menjadi haram. Menurut beliau lagi, setiap yang dipuja juga akan mendapat pahala. Hal ini demikian kerana, tok dalang pada zaman dahulu akan meminta izin daripada hadirin yang hadir supaya apa yang dilihat dalam persembahan wayang kulit akan menjadi iktibar kepada diri sendiri.

Setiap cerita atau persembahan sama ada wayang kulit, mak yong, menora dan sebagainya akan memaparkan setiap watak yang berlawanan. Contohnya seperti watak baik dan jahat. Menurut Pak Nasir lagi, setiap yang baik itu akan mendapat manfaat daripada perjuangan yang diperjuangkan itu. Selain itu juga, setiap yang ada di dunia ini mempunyai pasangan yang diciptakan oleh Tuhan. Seperti langit dan bumi, syurga dan neraka, halal dan haram, lelaki dan perempuan, serta banyak lagi. Begitu juga dengan penciptaan tua dan muda. Yang tua merupakan zat dan roh. Manakala, yang muda akan menjadi sifat. Setiap sifat itu akan menjadi roh pada setiap akhirnya.



Dalam persembahan wayang kulit, tok dalang menyampaikan cerita adalah untuk menzahirkan diri sendiri supaya sedar dengan keadaan sekeliling.

Setiap penceritaan yang dibawa adalah mengikut peredaran agama yang dibawa. Masyarakat Melayu dapat menerima setiap agama yang dibawa apabila agama itu akan menjadi contoh nilai-nilai yang baik terhadap diri mereka. Setiap penceritaan dalam persembahan wayang kulit di setiap negara adalah berbeza dengan negara yang lain. Contohnya, Pak Nasir pernah membuat persembahan wayang kulit di dalam Angkor Wat di Kemboja. Penduduk yang melihat tidak memahami tentang penceritaan yang disampaikan oleh beliau. Hal ini demikian kerana, watak Ramayana Kelantan yang dibawa adalah tidak sama dengan Ramayana yang berasal daripada Hindu. Hanya nama sahaja Ramayana Hindu tetapi pembawakan cerita-cerita yang dipersembahkan adalah tidak sama. Setiap tok dalang yang menyampaikan cerita tidak kira dari dalam atau luar negara akan menyampaikan sesebuah cerita dengan mengikut cara yang tersendiri.



**Rajah 4.1**

**(Sumber: Shahrayanis Binti Sapi)**

#### 4.2.1 Kepercayaan Masyarakat Melayu Dahulu

Kepercayaan animisme merupakan bentuk kepercayaan paling awal sebelum kehadiran agama lain. Kepercayaan ini berhubung kait dengan alam semula jadi. Mereka percaya semua benda di dalam dunia ini mempunyai roh atau semangat yang mempengaruhi kehidupan manusia sama ada baik atau buruk. Roh atau semangat ini perlu dipuja agar membawa kebaikan dan menambahkan rezeki. Keadaan ini telah mempengaruhi kehidupan mereka kerana terdapatnya aktiviti-aktiviti memuja pantai atau semangat padi bagi menjamin keselamatan dan menambahkan hasil padi. Dengan ini timbullah konsep pantang larang, adat istiadat, undang-undang, kebudayaan dan sebagainya. Bagi memuja semangat ini lahirlah tarian, nyanyian, drama, muzik, unsur mainan, mantera, adat menanam, adat kematian dan sebagainya yang ada hubungan dengan kepercayaan itu.


Kemunculan unsur budaya seperti tarian, nyanyian, unsur mainan dan sebagainya sebenarnya berasaskan kepada kepercayaan kuasa ghaib seperti memuja semangat padi, hantu laut dan sebagainya. unsur ini menjadi hiburan dan mainan yang pada asalnya merupakan upacara yang berkaitan dengan kuasa ghaib. Contohnya Main Puteri, Main Dewa, memutus ubat dan sebagainya. Berkaitan dengan unsur mainan dan tarian tadi maka lahirlah upacara jampi serapah yang bertujuan untuk melindungi permainan daripada segala bencana dan menghalau jin dan hantu daripada mengganggu persembahan.

Setiap persembahan ada peraturan dan pantang larang kerana asal usul sesuatu jenis persembahan selalunya dihubung kait dengan kuasa ghaib. Dengan wujudnya

pelbagai kepercayaan tersebut maka wujud satu golongan masyarakat yang dihubungkan dengan upacara-upacara pemujaan seperti dukun, tabib, pawang, nenek kebayan dan sebagainya yang bertanggungjawab memulih diri seseorang yang dipercayai disampuk atau hilang semangat. Terdapat juga bentuk kepercayaan terhadap roh orang yang sudah mati. Mereka percaya individu yang semasa hidupnya mempunyai kuasa hebat apabila mati akan tetap memberi perlindungan. Berdasarkan kepercayaan inilah masyarakat tempatan memuja roh si mati agar dapat memberi perlindungan.

Dalam persembahan wayang kulit, kepercayaan terhadap animisme begitu menular oleh masyarakat dahulu. Setiap upacara seperti berjamu, buka panggung, perasap dan sebagainya akan dikaitkan dengan unsur-unsur mistik mengikut kepercayaan masing-masing. Contohnya, pemujaan terhadap pokok-pokok yang dianggap keramat oleh masyarakat supaya tok dalang dan orang ramai yang menyaksikan persembahan wayang kulit akan selamat dan tidak diganggu oleh makhluk halus. Begitu juga dengan upacara perasap, di mana tok dalang pada waktu dahulu akan memperasap patung-patung wayang kulit supaya patung tersebut tidak bergerak dan mengganggu kehidupan tok dalang serta berfungsi dengan baik ketika persembahan sedang berlangsung. Selain itu, masyarakat juga percaya kepercayaan terhadap animisme adalah dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang banyak mengagungkan keindahan dan penciptaan alam semulajadi. Pada permulaan persembahan juga, ada penggunaan pohon beringin sebagai salah satu simbol bagi kepercayaan dalam masyarakat. Dalam pohon beringin tersebut mempunyai pelbagai ukiran yang membentuk keseluruhan kejadian yang berlaku dalam kehidupan seharian

masyarakat Melayu. Terdapatnya simbol binatang, tumbuh-tumbuhan, rumah dan sebagainya. Di setiap penjuru bagi pohon beringin tersebut terdapatnya dua ekor naga yang dipercayai menjaga kehidupan masyarakat.



**Rajah 4.2**

(sumber: [www.wayangkulit.com](http://www.wayangkulit.com))

MALAYSIA

KELANTAN



**Rajah 4.3**

**(Sumber: Shahrayanis Binti Sapi-in)**

#### **4.2.2 Pengaruh Hindu Buddha**

Pengaruh agama Hindu pula dikatakan tersebar sejak abad ke 7 (Ahmad Jelani Bin Halimi, 2008) lagi yang dibawa oleh pedagang India. Penyebaran agama ini berkembang pesat apabila kedatangan golongan Brahmin dan penerimaan agama ini oleh golongan pemerintah. Ajaran ini diterima oleh pemerintah kerana agama ini berpegang teguh kepada konsep Dewaraja iaitu raja adalah tuhan dibumi yang sekaligus memperkukuhkan kedudukan raja sebagai pemerintah. Sebagai contoh, terdapat dua buah kerajaan Hindu di Tanah Melayu iaitu kerajaan Langkasuka dan kerajaan Kedah Tua.

Di samping itu, terdapatnya penyembahan Dewa Siva dan Vishnu, yang dapat dilihat daripada pembinaan Candi Bukit Batu Pahat dan Candi Bukit Pendiak di Lembah Bujang, Kedah. Agama Buddha pula turut tersebar di kalangan masyarakat tempatan dan ia mempunyai pertalian dengan agama Hindu. Ini disebabkan agama ini mengalami pengubahsuaian dengan unsur-unsur agama Hindu.

Agama ini diasaskan oleh Sidharta Gautama di India. Agama ini melarang manusia melakukan kekejaman kerana ia tidak mendatangkan sebarang kebaikan. Ajaran agama Buddha ini mudah diterima kerana anggapan mereka bahawa pengasas agama Buddha merupakan penjelmaan kembali salah satu daripada Dewa Hindu. Dengan ini masyarakat tempatan mula menganuti pencampuran agama Hindu dan Buddha. Sesungguhnya agama Hindu dan Buddha telah meninggalkan kesan yang besar terhadap masyarakat tempatan dari aspek keagamaan, pemerintahan, pentadbiran, kesusasteraan dan bahasa.

Dari segi pemerintahan konsep raja mula digunakan. Amalan pertabalan diraja mempunyai kaitan dengan unsur Hindu-Buddha yang disempurnakan oleh golongan Brahmin. Sehubungan dengan itu lahirlah konsep dewaraja, unsur kesaktian, mitos dan lagenda untuk memperkukuhkan kedudukan raja. Contoh yang lain dapat dilihat dalam bidang kesusasteraan di mana masyarakat tempatan mula terpengaruh dengan epik Ramayana dan Mahabharata yang kemudiannya lahirlah bentuk penceritaan lisan, mitos dan teater seperti wayang kulit.

Dalam persembahan wayang kulit, pengkaji dapat melihat bahawa pengaruh Hindu Buddha telah terbukti dapat dilihat dalam penggunaan watak-watak dalam persembahan tersebut. Watak-watak yang digunakan adalah seperti watak Sita Dewi,

watak Seri Rama, watak Rawana dan sebagainya. Setiap watak-watak yang digunakan dan diperdengarkan dalam persembahan tersebut adalah watak yang terdiri daripada golongan yang kuat dan gagah. Watak-watak tersebut merupakan watak-watak yang berperanan bagi menjaga keamanan dan keselamatan negara serta masyarakat sekeliling. Watak-watak dalam persembahan wayang kulit juga banyak diambil dari epik Ramayana dan Mahabrata yang menceritakan tentang kehebatan-kehebatan watak-watak tersebut terutamanya dalam kekuatan dan kekuasaan watak tersebut bagi menegakkan kebenaran. Nama-nama watak yang telah diambil dari kitab Hindu Buddha tersebut juga banyak penceritaan tentang manusia yang diajar supaya sentiasa berbuat baik dan tidak melakukan kekejaman sesama sendiri yang di ceritakan semula oleh tok dalang dalam persembahan wayang kulit. Ianya bertujuan supaya masyarakat tahu tentang kehidupan yang terdapat dalam kitab Hindu Buddha tersebut.



**Rajah 4.4**

(Sumber: [www.sridewi.com](http://www.sridewi.com))



**Rajah 4.5**

(Sumber: [www.rawana.com](http://www.rawana.com))

### **4.2.3 Pengaruh Islam**

Kedatangan agama Islam pada abad ke-15 (Ruslan Zainuddin, 2004) telah menghakis sebahagian amalan kepercayaan Hindu Buddha yang telah lama bertapak di Tanah Melayu. Agama Islam disebarkan oleh golongan pedagang dan pendakwah Islam dari Asia Barat. Ajaran Islam menekankan dua aspek penting iaitu Akidah dan Syariah. Akidah ialah kepercayaan seluruh jiwa raga terhadap keEsaan Allah manakala syariah merupakan perundangan dan hukum Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis. Ajaran Islam berlandaskan kepada lima Rukun Islam dan enam Rukun Iman yang wajib diketahui oleh penganutnya.



Kedatangan agama Islam telah membawa perubahan yang besar dalam politik, perundangan, ekonomi, dan budaya masyarakat Melayu. Dari segi politik jelas dapat dilihat dengan penggunaan gelaran pemerintah iaitu raja telah digantikan dengan gelaran sultan. Malahan, sultan dianggap sebagai ketua agama Islam. Segala upacara rasmi didahului dengan doa. Pemimpin agama merupakan penasihat sultan dalam hal-hal mengenai hukum syarak atau hal berkenaan dengan agama Islam. Dari segi perundangan hukum syarak digunakan berpandukan al-Quran dan al-Hadis. Dalam aspek perniagaan, Islam mengharamkan riba dan menggalakkan umatnya mencari rezeki yang halal.

Disamping itu, amalan zakat dan fitrah sedikit sebanyak telah membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menjalani kehidupan. Dari segi sosial pula wujudnya semangat jihat bagi memelihara kesucian agama Islam daripada penjajahan Barat. Malah Islam menggalakkan umatnya sentiasa bersyukur dengan kurniaan Allah. Dari segi adat pula didapati terdapat pengubahsuaian daripada unsur Hindu-Buddha kepada unsur keIslaman seperti perkahwinan, adat turun tanah, melenggang perut, berkhatan dan sebagainya. Adat bercukur dimulakan dengan berzanji dan marhaban iaitu bacaan mengenai kisah kelahiran dan kebesaran nabi Muhammad.

Upacara ini diakhiri dengan bacaan tahlil dan doa selamat sebagai mengucap syukur kepada Allah. Pada peringkat awal Islam, pengajian al-Quran menjadi asas kepada sistem pendidikan awal ketika itu. Disamping itu mereka belajar sembahyang dan fardu ain. Biasanya mereka belajar di sekolah pondok.

Dalam persembahan wayang kulit, penggunaan ayat suci al-Quran adalah penting bagi permulaan dalam persembahan. Setiap tok dalang akan memulakan persembahan dengan memulakan kalimah ‘Bismilahir Rahmanir Rahim,’ dan diakhiri dengan kalimah ‘Lailaha illallah, Muhammadur Rasulullah’. Manakala, penggunaan ayat suci al-Quran juga adalah sebagai doa yang dipetik dari kitab suci al-Quran dan hadis. Ini dapat dilihat dalam persembahan wayang kulit oleh tok dalang iaitu Pak Nasir, walaupun adanya upacara seperti berjamu, perasap dan sebagainya, penggunaan ayat suci al-Quran tidak lekang dari mulutnya. Hal ini demikian kerana, setiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang itu perlulah percaya bahawa Allah S.W.T adalah Tuhan yang satu. Begitu juga dalam persembahan wayang kulit, sejauh mana pun pandangan masyarakat terhadap kepercayaan wayang kulit, penciptannya adalah satu.

#### **4.3 Pandangan Islam Berkaitan Animisme**

Ajaran Islam ialah sebuah agama yang dibentuk oleh Pencipta alam dan manusia itu sendiri sebagai cara hidup yang sempurna. Kebangkitan pergerakan Islam yang membawa kepada kesedaran ajarannya menyebabkan mereka sedar apa yang dilakukan adalah syirik, iaitu memuja patung dan meminta perlindungan dan pertolongan daripada kuasa selain Tuhan. Firman Allah yang bermaksud: “Bahawa sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa seseorang yang syirik kepadanya dan Allah tidak akan mengampunkan kepada sesiapa yang dia kehendaki

iaitu selain dari dosa syirik. Barang siapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.” (Surah an-Nisa, ayat 48 ms.86)

Pengertian syirik menurut bahasa adalah sebuah kata yang digunakan untuk mengungkapkan sesuatu yang terjadi antara dua orang atau lebih. Menurut istilah syar’i, syirik kepada Allah SWT bermaksud menjadikan sekutu bagi Allah SWT, baik dalam rububiyahnya ataupun uluhiyahnya dan istilah syirik lebih banyak digunakan dalam uluhiyahnya. Iaitu menyamakan selain Allah SWT dengan Allah SWT dalam hal yang menjadi hak Allah SWT. Dalam surah Luqman, Allah berfirman yang bermaksud: “Sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar.” ( Surah Luqman, ayat 13 ms.412)

Menurut Ustaz Shaari Bin Salleh, Pensyarah Jabatan Agama di Institut Perguruan Kota Bharu, kegiatan yang dilakukan dalam persembahan wayang kulit banyak bercanggah dengan ajaran dalam agama Islam. Contohnya, dalam setiap persembahan perlu dimulakan dengan mengadakan sesuatu upacara iaitu upacara perasap. Menurut kepercayaan dahulu, upacara ini adalah penting supaya apabila membuat persembahan, tok dalang itu sendiri boleh mengeluarkan bermacam-macam suara. Manakala, setiap patung yang akan dimainkan boleh berfungsi dengan baik. Selain itu, kemenyan akan dibakar dan asap akan disapu pada muka tok dalang supaya semangat itu akan datang.

Petua ini dianggap syirik dan bercanggah dalam ajaran Islam kerana sepatutnya setiap permulaan ayat adalah dengan lafaz Bismillah. Manakala,

percampuran antara ayat al-Quran dan jampi serapah terutama menggunakan ayat Hindu adalah tidak dibenarkan dalam Islam. Hal ini demikian kerana, ianya akan mencemarkan kesucian ayat-ayat al-Quran. Percampuran ayat-ayat al-Quran dan jampi serapah hanya dibenarkan jika ianya terkandung dalam kitab suci al-Quran dan bukannya menggunakan jampi serapah mengikut kehendak mereka.

#### **4.3.1 Buka Panggung**

Upacara buka panggung di dalam persembahan wayang kulit menggabungkan kepercayaan animisme dan Hindu. Dalang memulakan jampi serapah dengan perkataan OM yang mewakili dewa Hindu Brahma, Indera dan Vishnu. Kemudian dijemput puak sinar runduk, hantu jembalang, raja mambang dan raja iblis. Seterusnya diseru Maharaja Rawana, Seri Rama, Indrajit dan Maharishi Kala. Selepas itu, Dalang memanggil semangat utara dan laut, semangat hutan dan selatan, semangat angin api, air dan tanah bersama-sama dengan jin hitam, jin putih, iblis, Ganesha dan Semar Putih, Ardjuna dan Bima.

Upacara buka panggung dalam persembahan wayang kulit diadakan untuk melancarkan persembahan. Sebelum memulakan persembahan wayang kulit, dalang akan memastikan setiap peralatan yang hendak digunakan sewaktu persembahan telah disediakan oleh penaja atau tuan punya majlis tersebut. Ini kerana, satu upacara akan diadakan dengan menghidangkan sajian untuk mempersembahkan kepada semangat yang dipercayai menduduki patung wayang kulit dan juga alat-alat muzik. Setiap

persembahan wayang kulit sememangnya akan dimulakan dengan sajian memuja semangat.

Antara peralatan yang digunakan untuk membuka panggung dalam persembahan Wayang kulit adalah :

- a) *Air Manis*
- b) *Telur*
- c) *Benang Hidup*
- d) *Sirih*
- e) *Rokok Daun*

Upacara bertabuh atau buka panggung dan tutup panggung adalah di mana hantu jembalang, roh dan semangat dijamu dengan makanan, minuman dan jampi serapah. Tujuannya ialah untuk meminta kuasa-kuasa ghaib ini melindungi pemain dan penonton daripada kuasa jahat.

Contoh mantera yang digunakan dalam upacara buka panggung persembahan wayang kulit :

Seperti gajah berjuang dada

Rambut ikal, berikal ikal sei mayang bakung

Dahi sehari bulan

Kening taji sebetuk

Mata air laut madu kandis

Hidung kalam dirancung

Pipi pauh dilayang

Mulut pauh manis naga besi (berseru)

Gigi intan bersayap kumbang, air laut wira madu

Dagu madu digantung

Tengkuk sejinjing kutur

Dada bintang menabur

Pinggang ramping bahasa

Betis keting belalang

Tumit telur penyu

Hitam manis peranakan jawa, putih kuning peranakan cina

#### **4.4 Konsep perubatan**

Perubatan tradisional merupakan salah satu cabang perubatan yang sering mendapat sambutan khususnya di kampung-kampung. Ilmu ini diwarisi turun-temurun dengan cara penyampaian dari mulut ke mulut. Asas perubatan tradisional terdiri dari dua bahagian iaitu permintaan yang terdiri dari doa, jampi dan mantera dan kedua

ialah ramuan yang mengandungi tumbuhan dan haiwan. Perubatan tradisional mempunyai matlamat yang sama dengan perubatan moden iaitu menghapuskan penderitaan dan kesakitan. Secara umumnya, kaedah perubatan tradisi Melayu merangkumi pengucapan iaitu doa, mantera dan jampi serapah. Manakala, terdapat juga tarian,urut dan penggunaan ramuan-ramuan dari haiwan dan tumbuhan.

Sejak zaman dahulu lagi, penduduk di Kepulauan Melayu tidak terkecuali dari dihinggapi pelbagai penyakit. Sudah menjadi kelaziman bagi manusia untuk mencari pelbagai ikhtiar untuk menyembuhkan penyakit tersebut. Demikianlah yang berlaku dalam masyarakat Melayu sejak zaman silam, sejak mereka belum mengenal agama dan mengikut ajaran animisme, kemudian memasuki zaman kedatangan Hindu-Budha dan seterusnya kedatangan Islam. Oleh kerana perubatan tradisi amat dipengaruhi oleh cara hidup dan kepercayaan manusia, maka perubatan tradisi Melayu juga berkembang dan dipengaruhi oleh adat dan kepercayaan semasa.

Pada zaman masyarakat Melayu masih belum mengenali agama, mereka amat mempercayai hantu, jembalang, pelesit dan mempercayai bahawa segala sesuatu itu mempunyai semangat, keramat, penunggu, puaka dan sebagainya. Mereka percaya penyakit adalah disebabkan oleh makhluk-makhluk ghaib tersebut. Maka dari pegangan kepercayaan inilah bermulanya jampi serapah, pemujaan dan seruan untuk mengubati sesuatu penyakit. Mereka mempercayai tempat keramat dan pantang-larang tertentu untuk mengelakkan musibah dan penyakit.

Dengan kedatangan agama Hindu-Buddha ke alam Melayu, maka pengaruh agama tersebut telah meresap masuk ke dalam segenap bidang kebudayaan Melayu dan tidak terkecuali bidang perubatan. Lahirlah mantera-mantera yang mempunyai unsur-unsur kepercayaan Hindu seperti dewa-dewi, Betara Guru, Ongkara dan sebagainya yang diseru untuk menyembuhkan penyakit.

Seterusnya apabila masyarakat Melayu menerima ajaran Islam, amalan perubatan juga diresapi dalam Islam. Untuk menambahkan kemujaraban jampi serapah dan sesetengah mantera yang masih digunakan itu, lazimnya ia dimulakan dengan kalimah 'Bismilahir Rahmanir Rahim,' dan diakhiri dengan kalimah 'Dengan berkat kalimah Lailaha illallah, Muhammadur Rasulullah'. Di antara jampi-jampi itu ada juga yang berbentuk doa, petikan ayat al-Quran dan hadis Nabi.

#### **4.5 Kepercayaan Masyarakat Siam dan Cina**

Dalam sistem kepercayaan masyarakat Siam, terdapat beberapa elemen yang berasal dari luar sistem keagamaan Islam iaitu beberapa elemen Hindu dan Buddha telah diserap ke dalam sistem kepercayaan masyarakat Siam. Tiga daripada elemen kepercayaan tersebut adalah berbentuk magis, iaitu besi bat, air jampi tok ca dan minyak mati dibunuh. Penyerapan tersebut berpunca daripada pertembungan di antara budaya Siam dengan budaya Melayu, yang telah menghasilkan beberapa ciri budaya Sanskrit.



Besi bat dan air jampi tok ca berkait rapat dengan institusi keagamaan Buddha, sementara minyak mati dibunuh berasal daripada sistem kepercayaan Brahman (phram) yang juga menjadi sebahagian penting daripada sistem kepercayaan orang Siam. Kehadiran orang Siam telah memberikan orang Melayu alternatif lain dalam kaedah perubatan tradisional. Penerimaan alternatif ini menjadi begitu meluas sehinggakan terdapat satu klasifikasi umum terhadap jenis penyakit dari segi cara mengubatnya. Sesetengah penyakit dipercayai lebih sesuai jika diubati oleh pengamal Melayu dengan menggunakan pendekatan Islam, sementara beberapa jenis penyakit lebih berkesan jika ditangani oleh pengamal bukan Melayu, terutama oleh bomoh Siam .

Selain itu pengamal Siam dikunjungi bagi mendapatkan rawatan tradisional bagi penyakit biasa, iaitu rawatan yang menggunakan ubat-ubatan dan ramuan akar kayu serta bacaan ayat suci (parit) dan jampi mantera. Bomoh Siam dikunjungi bukan kerana tidak ada perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh pengamal Melayu, tetapi terdapat tanggapan umum bahawa ilmu perubatan Siam itu lebih berkesan dan lebih kuat daripada sesetengah cabang dalam ilmu perubatan Melayu. Dikatakan bahawa magis gelap Siam itu lebih berkesan dan lebih kuat daripada magis Melayu kerana pengamal Siam menggunakan ramuan atau perkakasan yang haram di sisi Islam, termasuklah patung Buddha, darah haiwan serta bahan-bahan yang dianggap tidak suci dari segi Islam, seperti cemara babi hutan serta taringnya, dan minyak yang diambil daripada mayat orang mati dibunuh.

Manakala, kepercayaan masyarakat Cina lebih cenderung dengan merasakan wujudnya darjat yang paling rendah. Sifat semulajadi orang cina yang bertolak ansur dan keupayaan untuk menganut dua atau tiga bentuk kepercayaan. Masyarakat Cina sering menghormati kramat orang Islam atau tempat-tempat suci. Dalam beberapa hal, mereka mengamalkan amalan berjalan di atas api seperti penganut agama Hindu sebagai sebahagian daripada pemujaan Tuhan-tuhan mereka. Juga menjadi kebiasaan melihat colok dinyalakan oleh orang-orang Cina dibawah pokok-pokok suci dan batu-batu yang berbentuk ganjil.

Masyarakat Cina mempunyai cara tersendiri untuk menempatkan diri mereka ke dalam semua dewa dan jin. Masyarakat Cina percaya dengan wujudnya Tuhan Dapur atau Tsao Wang. Ia merupakan pencipta simbol tempat api dan rumah. Ia telah diterima oleh kedua-dua Taoisme dan Buddhisme. Pemujaan secara besar-besaran adalah sebagai menghormati Tsao Wang dengan pemberian hadiah seperti tembikai, kek dan halwa buah-buahan.

#### **4.6 Perbezaan Wayang Kulit Siam dan Cina**

Wayang kulit Siam mula terkenal dalam kalangan masyarakat Kelantan pada tahun 1930-an. Wayang Purwa merupakan wayang kulit yang berasal Jawa yang memberi pengaruh pada perkembangan seni pertunjukan wayang Siam.

Wayang Siam berfungsi sebagai alat atau media untuk menyebarkan agama Islam, di mana pada ketika itu masyarakat Kelantan secara umum masih menganut ajaran Hindu dan Animisme. Sehingga, cerita-cerita yang ditampilkan dalam

pertunjukan wayang ini mengandung unsur-unsur yang masih banyak unsur Hindu, yang kemudiannya diubah dan dimasukkan kisah-kisah yang berkaitan nilai-nilai Islam.

Riwayat-riwayat, seperti kisah turunya Nabi Adam ke bumi dan Muhammad sebagai utusan Tuhan untuk menyebarkan agama Islam di muka bumi, dipersembahkan dalam pertunjukkan wayang tersebut

Manakala, dalam masyarakat cina, masyarakat Tiongkok lebih mengenali permainan wayang kulit. Terdapat tiga jenis wayang di Tiongkok iaitu wayang golek, wayang kulit dan marionet. Wayang golek adalah boneka dengan kepala dan tubuh yang diperbuat daripada kayu dan dibalut pakaian yang berwarna-warni. Wayang kulit adalah boneka wayang yang diukir dari kulit kerbau berbentuk tokoh-tokoh tertentu dan juga berwarna-warni. Marionet merupakan teater boneka seperti wayang golek dan dimainkan dengan cara menggerakkan benang yang diikatkan pada jari-jari sang dalang.

Wayang ini berfungsi sebagai hiburan, pendidikan dan mengkritik tentang sosial dan sarat dengan fungsi ritual. Amalan ritual berfungsi untuk menyampaikan segala hal yang berhubungan dengan Sang Pencipta iaitu untuk mengadu tentang gagal dalam berusaha, ungkapan rasa syukur, penderitaan dan kegembiraan hidup melalui pertunjukan wayang.

Apa yang dapat dilihat dalam perbezaan antara wayang kulit Siam dan Cina adalah cara penyampaian dalam sesebuah cerita yang ingin disampaikan. Setiap cerita yang akan dipersembahkan adalah mengikut aturan yang berbeza di mana wayang

kulit Siam dan Cina lebih kurang sama dengan wayang kulit Melayu. Penggunaan pengaruh-pengaruh dalam wayang kulit Siam adalah lebih cepat berubah kerana wayang kulit Siam diubah untuk menceritakan berkaitan tentang nilai-nilai ajaran Islam. Selain itu, dalam wayang kulit Siam, penceritaan adalah berkisar tentang cara agama Islam dan wujudnya riwayat seperti kisah turunnya Nabi Adam ke bumi dan sebagainya. Manakala, dalam wayang kulit Cina, persembahan wayang kulit adalah sebagai pengantara bagi seseorang itu untuk berhubung dengan penciptanya bagi menyampaikan segala hal yang terjadi dalam hidup mereka.

#### **4.7 Perbincangan**

Wayang kulit merupakan salah satu persembahan yang cukup unik. Setiap penceritaan yang disampaikan oleh tok dalang adalah berbeza mengikut cara yang tersendiri. Setiap kepercayaan yang dialami dan dianuti adalah mengikut pandangan yang berbeza.

Dalam persembahan wayang kulit pengaruh terhadap kepercayaan animisme adalah banyak mempengaruhi kehidupan seharian manusia. Setiap persekitaran di sekeliling akan menjadi daya tarikan dan masyarakat akan terikut untuk menjadikannya sebagai ikutan. Setiap aktiviti yang dilakukan seperti upacara berjamu, perasap, buka panggung dan sebagainya adalah sebagai tanda semangat untuk tok dalang supaya roh yang dipuja akan menjaga keselamatan mereka.

Manakala, pengaruh terhadap Hindu Buddha dalam wayang kulit adalah sangat kuat. Ini dapat dilihat kebanyakan watak-watak dalam wayang kulit adalah diambil dari kitab Hindu Buddha. Contoh watak-watak yang menggunakan pengaruh Hindu

Buddha adalah seperti Sita Dewi, Seri Rama, Rawana dan sebagainya. Dalam persembahan wayang kulit yang mengisahkan tentang pengaruh Hindu Buddha juga adalah tentang ajaran dalam kitabnya yang melarang manusia supaya tidak melakukan kekejaman. Tok dalang juga mempersembahkan cerita wayang kulit dengan penceritaan terhadap epik Ramayana dan Mahabrata.

Selain itu, kedatangan agama Islam telah membawa perubahan yang besar dalam persembahan wayang kulit. Kepercayaan terhadap pemujaan semakin berkurangan dengan memulakan sesuatu upacara itu dengan ayat-ayat suci al-Quran. Setiap upacara itu akan dimulakan dengan kalimah 'Bismilahir Rahmanir Rahim,' dan diakhiri dengan kalimah 'Lailaha illallah, Muhammadur Rasulullah'. Penggunaan jampi-jampi juga adalah berbentuk doa yang dipetik daripada ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi. Penggunaan ayat suci al-Quran juga sedikit sebanyak telah digunakan oleh para tok dalang supaya masyarakat di sekeliling melihat cara persembahan wayang kulit adalah tidak terpesong dengan ajaran Islam.

Hasil dari perbincangan bab ini juga, pengkaji dapat melihat setiap pengaruh-pengaruh yang dibawa memberi kesan yang besar terhadap persembahan wayang kulit. Walaupun penceritaannya banyak berkisar tentang pengaruh Hindu Buddha, kepercayaan terhadap animisme tetap wujud dalam penceritaan wayang kulit tersebut. Akan tetapi, pengaruh agama Islam tetap membawa perubahan yang besar kerana masyarakat sekarang lebih menerima ajaran Islam dan percaya terhadap Tuhan yang satu. Para tok dalang pada masa kini juga lebih menghargai sesuatu benda. Contohnya, mereka akan memulakan persembahan wayang kulit dengan bacaan ayat suci al-Quran. Dengan itu, ajaran Islam pada masa sekarang lebih memberi impak

yang besar terhadap manusia dengan mempercayai kewujudan Tuhan yang maha esa. Begitu juga tok dalang pada masa kini juga akan melakukan persembahan wayang kulit dengan melakukan upacara yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan megehadkan penggunaan jampi serapah yang berunsurkan tahyul atau karut.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Dalam bab lima, pengkaji membuat kesimpulan hasil daripada kesemua bab yang dikaji. Selain itu, dalam setiap kes yang dikaji mempunyai masalah dan saranan yang akan dikemukakan oleh pengkaji.

Kesimpulannya, pengaruh animisme, Hindu Buddha dan Islam menggabungkan kepercayaan oleh masyarakat dengan menghubungkan persekitaran sekeliling dalam persembahan wayang kulit. Setiap kepercayaan yang dipengaruhi sama ada animisme, Hindu Buddha mahupun Islam, mempunyai pendapat yang berbeza dari segi cara pengamalan, kepercayaan, pembacaan dan sebagainya.

Dalam hal fahaman terhadap animisme, kepercayaan terhadap kuasa ghaib, semangat, pemujaan roh dan sebagainya telah banyak dipengaruhi oleh tingkah laku yang dijalani oleh manusia dalam kehidupan seharian. Manakala, masyarakat menerima pengaruh dari Hindu Buddha adalah berkemungkinan banyak persamaan dengan kepercayaan animisme. Contohnya, dalam penggunaan jampi atau mantera, pengaruh Hindu Buddha banyak mengagungkan dewa-dewa. Selain itu, pengaruh Islam diterima apabila masyarakat mula membuka mata dengan penerimaan terhadap agama Islam. Dengan itu, setiap permulaan persembahan wayang kulit akan

dimulakan dengan bacaan ayat al-Quran supaya dapat dilindungi daripada dikacau oleh roh dan semangat yang diseru oleh Tok Dalang itu.

Pengaruh tentang animisme, Hindu Buddha dan Islam juga mempunyai masalah yang sukar untuk dileraikan oleh pelbagai pihak. Antaranya ialah Bentuk-bentuk persembahan yang berunsur ritual seperti pemujaan roh dan semangat telah berkubur kerana hakisan terhadap kepercayaan animisme. Hal ini demikian kerana, kepercayaan animisme merupakan saluran untuk berdamping dengan kuasa ghaib yang dipercayai menentukan nasib pengamal. Dalam erti kata lain, pada masa sekarang, kemajuan tentang pengetahuan alam semulajadi seperti ribut taufan dan sebagainya akan diterangkan secara saintifik dalam bidang yang akan dipelajari seperti bidang sains dan teknologi. Dengan keadaan ini, ianya telah menghakis kepercayaan terhadap persembahan tradisi dimana pada waktu dahulu adalah sebagai penyelamat dan penentu nasib masyarakat.

Selain itu juga, pengaruh tentang animisme, Hindu Buddha dan Islam dalam persembahan wayang kulit juga banyak disangkal oleh pelbagai pihak, terutamanya pengaruh dalam Islam. Seseengah pihak mengatakan percampuran tentang hal-hal agama adalah syirik. Ini dapat dilihat dengan adanya penggunaan ayat-ayat al-quran dalam mantera yang disebut. Penggunaan ayat-ayat al-quran tidak sepatutnya dicampur dengan bahasa yang tidak difahami. Hal ini demikian kerana, ianya akan bercanggah dengan ajaran Islam.

Masalah lain yang terdapat dalam persembahan wayang kulit adalah status tentang pengaruh animisme, Hindu Buddha dan islam yang semakin merosot. Pengetahuan tentang pengaruh-pengaruh yang terdapat dalam persembahan wayang



kulit semakin dilupakan dan masyarakat sudah tidak ambil peduli tentang pengaruh yang ada. Masyarakat yang melihat persembahan wayang kulit pada masa sekarang adalah dengan pandangan kosong dan tanpa mengetahui makna-makna disebalik setiap persembahan yang dimainkan. Masyarakat pada masa sekarang juga semakin berfikiran jauh dengan kurangnya kepercayaan terhadap kepercayaan dulu-dulu.

Dalam setiap permasalahan yang dikaji mempunyai penyelesaiannya. Pengkaji mengkaji masalah yang dikaji dengan mencari cara penyelesaian yang tepat supaya masyarakat dapat menerima cara persembahan tradisi seperti persembahan wayang kulit dengan penerimaan pengaruh-pengaruh yang ada dalam wayang kulit. Antara saranan yang akan dikemukakan oleh pengkaji ialah masyarakat yang seharusnya berfikiran lebih terbuka dengan tidak memandang persembahan wayang kulit sebagai persembahan yang salah. Ini kerana, setiap pengaruh yang didapati dalam persembahan wayang kulit adalah mengikut pandangan setiap individu dalam menilai setiap kepercayaan yang ada. Contohnya, pengkaji menemuramah Pak Nasir yang mengatakan, setiap pengaruh dan kepercayaan yang wujud adalah mengikut cara pemikiran orang-orang dahulu yang lebih terikut dengan persekitaran disekeliling mereka. Oleh itu, hak masing-masing untuk melihat persembahan wayang kulit dari perspektif baik mahupun buruk.

Saranan yang seterusnya adalah menggunakan ayat-ayat suci al-quran dalam permulaan jampi serapah. Seperti yang diketahui, tok dalang ada menggunakan ayat al-quran tetapi tidak secara kuat dan lantang. Penggunaan ayat al-quran perlulah diperbanyakkan daripada penggunaan ayat-ayat yang kurang dikenalpasti sebutannya. Sebelum pembacaan ayat jampi serapah, para tok dalang seharusnya percaya dengan

kewujudan penciptanya. Selain itu juga, tok dalang perlulah mengetahui makna-makna disebalik pembacaan ayat-ayat al-quran. Hal ini demikian kerana, ayat suci al-quran merupakan jawapan kepada segala-galanya yang terkandung dimuka bumi ini. Seperti yang diketahui, persembahan wayang kulit pada waktu dahulu amat menekankan kepercayaan terhadap alam sekeliling, tetapi pada masa kini tok dalang sudah menilai cara persembahan dengan sudut yang berbeza seperti memperbanyakkan unsur-unsur keislaman. Persembahan pada waktu dahulu tidak menyelitkan ayat suci al-quran dan disebabkan itulah berlaku pengharaman dalam persembahan wayang kulit. Contohnya, tok dalang Pak Usop yang tidak menggunakan jampi serapah dalam persembahannya wayang kulitnya. Hal ini kerana, beliau ingin menarik minat golongan muda supaya mendekati dan mempelajari tentang persembahan wayang kulit dengan lebih mendalam. Dalam surah Luqman, Allah berfirman yang bermaksud: “ Sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.” (Surah Luqman, ayat 13 ms.412)

Dengan itu, pada permulaan zaman masihi, tanah Melayu dipengaruhi oleh agama Hindu Buddha iaitu mengenai Ramayana dan Mahabrata yang mempunyai perselarian dengan kepercayaan animisme. Maka, semangat animisme sangat mudah digantikan dengan dewa-dewa Hindu Buddha. Cara hidup orang Melayu mengalami perubahan yang besar apabila kedatangan agama Islam ke tanah Melayu. Kepercayaan Hindu Buddha dan animisme perlahan-lahan dihakis dan digantikan dengan kepercayaan yang berunsurkan Islam. Aspek ini dapat diperlihatkan dalam persembahan seperti wayang kulit yang menggambarkan kepercayaan, nilai dan norma yang mengaitkan dengan alam nyata, alam ghaib, manusia dengan dewa, raja

sebagai dewa atau wakil dewa. Daripada penyatuan antara pengaruh animisme, Hindu Buddha dan Islam ini, ia menggambarkan dengan jelas sikap orang Melayu dimana dalam persembahan wayang kulit menggunakan unsur diaolg dan muzik yang yang banyak mempengaruhi unsur alam sekeliling.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

- Amran Kasimin (2006). *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fieda (2003). *Siri Permainan Tradisional Melayu : Permainan Wayang Kulit*. Kuala Lumpur : Oak Enterprise.
- Ghulam-Sarwar Yousof (Ed.) (2004). *The Encyclopedia of Malaysia, Vol. 8, Performing Arts*. Singapore: Archipelago Press
- Matusky, P. (1993). *Malaysian Shadow Play And Music: Continuity Of An Oral Tradition*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Mohd. Ghouse Nasruddin. (1989). *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hasnaa Nik Mahmood. (1997). *Orang-Orang Cina Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur : Universiti Teknologi Malaysia.
- Samad Ahmad. (1992). *Warisan perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf Qardawi. (1996). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Bangkok: The Islamic Book Center.
- (1980). *Wayang Kulit Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.

### **TEMURAMAH**

- 1) Awang Bin Mat Ali, 19 Februari 2011.
- 2) Ustaz Shaari Bin Salleh, 24 Oktober 2011.
- 3) Che Mohd Nasir Bin Yusoff , 2 Disember 2011.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN